

Cadangan jawatankuasa pembangunan belia di DUN ke Kabinet

Um - 17/3/2007

CADANGAN mewujudkan jawatankuasa pembangunan belia di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) akan dikemukakan kepada Kabinet.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said, kementerian bersetuju terhadap cadangan yang dikemukakan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan yang dilihat mampu menggerakkan belia di peringkat akar umbi agar memainkan peranan yang lebih baik.

"Dengan adanya cadangan di peringkat DUN, saya melihat ia satu pendekatan terbaik memperkuat program Rakan Muda di peringkat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan cek bernilai RM15.7 juta kepada kerajaan Negeri Sembilan bagi premium tanah Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Seremban, baru-baru ini.

"Kita tidak boleh hanya menumpukan belia di peringkat atasan di bandar-bandar kerana sudah berjaya. Belia di luar bandar juga aset kepada masa depan negara," ujarnya.

Azalina berkata masalah belia wujud apabila belia di kawasan luar bandar yang tidak berpuas hati terhadap keadaan mereka, berpindah ke bandar.

Tambah beliau, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga sudah mengarahkannya mencari jalan supaya tidak menggalakkan golongan belia berhijrah ke bandar.

"Kalau program Rakan Muda agresif dan menggalakkan aktiviti akar umbi di JKKK, Rukun Tetangga dan kawasan perumahan, secara tak langsung peranan Dewan Undangan Negeri lebih penting kerana mereka *catchment area*," katanya.

Pada masa ini sudah wujud jawatankuasa pembangunan belia di peringkat Parlimen.

Azalina juga berkata Perdana Menteri dijangka merasmikan program Rakan Muda Wawasan Desa yang bakal diwujudkan di setiap kampung melalui JKKK.

Perincian program itu bagaimanapun belum diputuskan.

AZALINA Othman Said (kanan) menyerahkan cek bernilai RM15.7 juta kepada Mohamad Hasan bagi bayaran premium Tanah Kompleks Belia dan Sukan Paroi di Wisma Negeri, Seremban, baru-baru ini.

